



LAWATAN ... Pelajar UMS ketika melawat Tolumis Care Centre di Tuaran.



KENANGAN ... Pelajar UMS ketika bersama penghuni Sabah Cheshire Home, Likas.

# Projek Hope UMS bantu golongan kelainan upaya

**KOTA KINABALU:** Menyedari terdapat ramai dalam kalangan masyarakat pada masa kini yang masih memerlukan bantuan dari segi kebajikan seharian, sekumpulan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan satu projek amal baru-baru ini bagi membantu golongan-golongan yang memerlukan.

Bertemakan 'One Love One Hope' (Satu Cinta Satu Harapan), kumpulan pelajar perhubungan awam bersama pelajar program Perniagaan Antarabangsa, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan menjalankan projek HOPE ini bagi memberi kesedaran terhadap kepentingan menghargai dan menghulurkan

bantuan kepada golongan orang kelainan upaya (OKU) yang dilihat tersisih dalam kalangan masyarakat setempat.

Menurut pengarah projek, Lai Chiaui Yi, projek yang dijalankan turut mendapat sokongan oleh beberapa syarikat swasta yang memberi tajaan berupa barang keperluan seharian seperti makanan, alat tulis, ubat-ubatan dan sebagainya.

"Sokongan daripada syarikat swasta terhadap projek amal sebegini adalah satu perkembangan positif dan mampu memberi impak dalam memperhebatkan lagi aktiviti berbentuk kebajikan bagi membelakangi nasib golongan-golongan kurang upaya dan kurang berkemampuan," katanya.

Di bawah pimpinan pensyarah Perhubungan Awam, Charlie Albert Lasuin, kumpulan ini melaksanakan projek HOPE mereka dengan mengadakan aktiviti membersihkan kawasan sekitar Tolumis Care Centre, Tuaran.

Mereka juga meluangkan masa beramah mesra, selain mengadakan aktiviti sukaneka bersama penduduk pusat tersebut yang terdiri daripada golongan OKU.

Kumpulan pelajar UMS seramai 35 orang ini turut berkunjung ke Sabah Cheshire Home, Likas, destinasi kedua mereka bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan bersama penduduk rumah tersebut.